

RUU Sumber Air Negara masih perlu ditambah baik

AMPANG - Rang Undang-Undang (RUU) Sumber Air Negara masih memerlukan penambahbaikan dalam beberapa perkara sebelum dapat dibentangkan pada sidang Dewan Rakyat tahun depan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Hamim Samuri berkata, antara perkara yang perlu diperhalusi adalah kuasa yang diberikan terhadap Kerajaan Pusat berhubung sesuatu isu yang akan timbul dalam pengurusan air negeri.

"Ketika ini pihak kementerian tiada kuasa untuk memberi kata putus terhadap kerajaan negeri dalam beberapa isu kerana ia di luar bidang kuasa menteri.

"Namun, dalam Akta Sumber Air Negara ini, ada pihak mencadangkan agar menteri menjadi orang tengah dan



HAMIM (dua dari kiri) melihat contoh bongkah binaan ketika melawat gerai pameran pada Forum Pengurusan Sumber Air Malaysia 2016 di Ampang semalam.

ada juga mencadangkan agar menteri diberi kuasa penuh membuat keputusan. Jadi perkara ini perlu diperhalusi lagi," katanya.

Beliau berkata demikian

ketika mewakili menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar merasmikan Forum Pengurusan Sumber Air Malaysia 2016 di Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

Malaysia di sini semalam.

Turut hadir Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Azizan Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha, Datuk Dr. Nadzri Yahaya dan Ketua Pengarah JPS, Datuk Zulkefli Hassan.

Forum selama dua hari itu dihadiri seramai 250 peserta daripada pelbagai agensi berkaitan air, jurutera perunding dan pertubuhan bukan kerajaan bagi bertukar-tukar fikiran dan pengalaman berhubung kepentingan sumber air.

Menurut Hamim, sekiranya RUU itu diluluskan, ia mampu memperkukuhkan lagi pengurusan sumber air negara dan memastikan beberapa garis panduan yang jelas dalam melindungi, memulihara dan menguruskan sumber air dengan lebih berkesan.

Anifah jumpa Suu Kyi bincang isu Rohingya

GEORGE TOWN

- Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Luar dan Kaunselor Negara Myanmar, Aung San Suu Kyi berhubung penghapusan etnik Rohingya yang didakwa berlaku di Rakhine, sebuah negeri di negara itu.

Timbalan Men-



ANIF

